

# FADĀ'IL MASJID AL-AQSĀ



SHAYKH 'ABD AL-RAZZĀQ  
BIN 'ABD AL-MUḤSIN AL-BADR

Diterjemahkan Oleh:  
MOHAMMAD SYAFIQ ISMAIL



اتحاد فهارس العلماء  
ABIM

GLOBAL PEACE  
MISSION  
Malaysia



Terbit edisi e-buku, Mac 2022  
© Angkatan Belia Islam Malaysia

Pengarang: Shaykh Abd al-Razzāq al-Badr  
Penterjemah: Mohammad Syafiq Ismail  
Penyunting dan Transliterasi: Mohd Khairul Anwar Ismail  
Reka Bentuk Kulit: Ainatunnadiyah Azizan  
Reka Letak Huruf: Muhammad Fateh



ABIM PRESS PLT (LLP0012799-LGN)  
No. 6, Jalan TC 2A/2,  
Taman Cemerlang  
53100 Kuala Lumpur  
MALAYSIA

No. Telefon (P): +603-4108 4500  
No. Telefon (HP/Whatsapp): +60133916299  
No.Faks: +603-4108 2400  
Emel: abimpressmy@gmail.com  
Laman Sesawang: www.abimpress.com  
FB: www.facebook.com/abimpressmy

E-Buku ini diterbitkan dengan kerjasama:



Koleksi E-Buku ABIM PRESS boleh diakses dan dimuatturun  
secara percuma di pautan berikut:

<https://tinyurl.com/KoleksiEbukuABIMPRESS>

Atau boleh juga ikuti perkembangan E-buku terkini di  
halaman FB Abim Press:



# MUQADDIMAH PENTERJEMAH



Atas nama Yang Kasih, daku menulis.

Selawat dan salam, buat kekasih.

Gita puji sesempurnanya bagi Allāh, selama-lamanya, atas kurnia-Nya dan izin-Nya, sesuai ketetapan-Nya yang tersurat, kita selesai melaksanakan khidmat kepada karya Shaykh ‘Abd al-Razzāq al-Badr ini, yang kita kekalkan judul Arabnya “*Faḍā’il Masjid al-Aqṣā*,” berkenaan kemuliaan-kemuliaan yang dimiliki Masjid al-Aqṣā yang tercinta.

Di dalam karya serba ringkas ini, Shaykh mengingatkan kepada pembaca tentang kemuliaan Masjid al-Aqṣā, sepertimana yang sabit di dalam al-Qur’ān dan Sunnah, dengan tujuan memupuk kecintaan kepada Masjid al-Aqṣā, dan menanam rasa tanggungjawab dalam kalangan

muslimin terhadap kiblat pertama umat Islam ini. Mesej yang turut dititipkan Shaykh di permulaan dan penghujung karya ini ialah agar muslimin sentiasa bersolidariti bersama saudara-saudara mereka yang kini berada di bawah penjajahan aperteid zionis, dan menggesa agar muslimin menyalurkan bantuan keperluan asasi kepada mereka yang berada di Palestin.

Terima kasih kita ucapkan buat pihak ABIM PRESS dan GLOBAL PEACE MISSION atas kesudian menerbitkan dan menyebarkannya secara gratis nan online. Tiada hakcipta yang kita tuntutan di balik terbitan ini, ia bebas diulangcetak dan disebar oleh sesiapa saja, dan digunakan dalam kajian-kajian.

Sesungguhnya tiada apa yang kita miliki melainkan kesalahan dan kesilapan. Sementara seluruh kebaikan itu hanyalah milik Allāh. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan kesilapan dalam terjemahan ini, mohon segera dimaklumkan agar segera diperbetulkan, kerana tiada kitab yang sempurna melainkan al-Qurʾān.

Allāh Maha Mengetahui.

Syafiq atTauhidi (Mohammad Syafiq Ismail)

3 Rejab 1443H / 3 Februari 2022M

Maktabah atTauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah.

# FADĀ'IL MASJID AL-AQṢĀ

Oleh:

Shaykh Abd al-Razzāq al-Badr



Sesungguhnya kepedihan dan kekecewaan muslimin semakin bertambah dari hari ke hari, melihat kesudahan Masjid al-Aqṣā yang dikuasai kelompok penjenayah yahudi, dan bagaimana mereka telah mencabul kehormatannya, mencemar kesuciannya dan kedudukannya (yang tinggi), serta serangan demi serangan yang dilakukan mereka di dalamnya kepada penduduk asalnya (yang tinggal di sekeliling Masjid al-Aqṣā).

Masjid al-Aqṣā merupakan masjid yang agung dan diberkati. Ia menempati kedudukan yang tinggi di dalam hati dan jiwa para mukminin. Ia merupakan masjid yang telah dikhususkan di dalam al-Kitāb (al-Qurʾān) dan

Sunnah dengan keistimewaan dan *Faḍā'il* (kemuliaan) yang banyak, yang menunjukkan betapa hebat dan tinggi kedudukannya (Masjid al-Aqṣā ini).

\*\*\*

Di antara *Faḍā'il* Masjid al-Aqṣā ialah: ia merupakan salah satu daripada tiga masjid yang istimewa, di mana seseorang tidak boleh bersusah payah dalam bersiap untuk bepergian dengan niat ibadah melainkan padanya (ketiga-tiga masjid ini). Diriwayatkan daripada Abū Hurayrah *radīyAllāhu 'anhū*, daripada Nabi *ṣallAllāhu 'alayhi wa sallam*, baginda bersabda:

لَا تُشَدُّ الرَّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ: الْمَسْجِدِ  
الْحَرَامِ، وَمَسْجِدِ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ،  
وَمَسْجِدِ الْأَقْصَى

“Tidak wajar bersusah payah dalam bersiap untuk bepergian melainkan ke tiga masjid: Masjid al-Ḥarām, Masjid Rasūl *ṣallAllāhu 'alayhi wa sallam* dan Masjid al-Aqṣā.” (H.R. al-Bukhārī dan Muslim)

\*\*\*

Di antara *Faḍā'il* Masjid al-Aqṣā ialah: ia merupakan masjid kedua yang didirikan di dunia ini. Diriwayatkan daripada Abū Dhār *radīyAllāhu 'anhū*, beliau berkata; daku berkata:

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ مَسْجِدٍ وُضِعَ فِي الْأَرْضِ أَوَّلَ؟ قَالَ:  
 الْمَسْجِدُ الْحَرَامُ. قَالَ قُلْتُ: ثُمَّ أَيٌّ؟ قَالَ: الْمَسْجِدُ  
 الْأَقْصَى، قُلْتُ: كَمْ كَانَ بَيْنَهُمَا؟ قَالَ: أَرْبَعُونَ سَنَةً،  
 ثُمَّ أَيُّمَا أَدْرَكْتِكَ الصَّلَاةُ بَعْدُ فَصَلِّهِ فَإِنَّ الْفَضْلَ

فِيهِ

“Wahai Rasūlullāh, apakah masjid pertama yang didirikan di dunia ini?” Baginda menjawab, “Masjid al-Ḥarām.” Beliau berkata; daku berkata, “Wahai Rasūlullāh, kemudiannya?” Baginda menjawab, “Masjid al-Aqṣā.” Daku berkata, “Berapakah tempoh masa antara (pembinaan) kedua-duanya?” Baginda menjawab, “Empat puluh tahun. Lalu, di mana saja apabila (waktu) solat sampai kepadamu, laksanakanlah solat itu. Kerana kemuliaannya ada padanya.”<sup>1</sup> (H.R. al-Bukhārī dan Muslim)

\*\*\*

Di antara *Faḍā'il* Masjid al-Aqṣā ialah: ia merupakan kiblat umat Islam yang pertama sebelum kiblat di-*nasakh-*kan (dimansuhkan) dan digantikan kepada Ka'bah. Diriwayatkan dari apda al-Barā' *radīyAllāhu 'anhu*, beliau berkata:

1 Keterangan hadis “Lalu, di mana saja apabila (waktu) solat sampai kepadamu, laksanakanlah solat itu. Kerana kemuliaannya ada padanya,” menjelaskan kemuliaan solat di awal waktu di mana saja seseorang itu berada.

صَلَّيْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَحْوَ بَيْتِ  
الْمَقْدِسِ سِتَّةَ عَشَرَ - أَوْ سَبْعَةَ عَشَرَ - شَهْرًا ثُمَّ  
صَرَفَهُ نَحْوَ الْقِبْلَةِ

“Kami solat bersama Nabi *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* menghadap Bayt al-Maqdis selama enam belas – atau tujuh belas – bulan. Kemudian, baginda memindahkannya menghadap kiblat (yakni Ka‘bah).” (H.R. al-Bukhārī dan Muslim)

\*\*\*

Di antara *Faḍā’il* Masjid al-Aqṣā ialah: ia merupakan masjid yang berada di tanah yang diberkati.

Allāh *ta‘ālā* berfirman:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ  
إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ

“Maha Suci Allāh yang telah menjalankan hamba-Nya (Muḥammad) pada malam hari dari Masjid al-Ḥarām (di Makkah) ke Masjid al-Aqṣā (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya...” (Sūrah al-Isrā’, ayat 1)

Dikatakan (oleh para ulama), “Kalaulah tidak ada sebarang keistimewaan bagi masjid ini melainkan



keistimewaan ini, maka demikian sudah memadai (untuk menjelaskan keistimewaannya).”

\*\*\*

Tanahnya merupakan tanah *al-Mahṣbar* (tempat manusia dikumpulkan di Hari Kiamat) dan (tanah) *al-Mansbar* (tempat nyawa manusia akan dikembalikan di Hari Kiamat). Diriwayatkan daripada Maymūnah, *mawla* Nabi *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, beliau berkata, daku berkata:

يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفْتِنَا فِي بَيْتِ الْمَقْدِسِ؟ قَالَ: أَرْضُ  
الْمَحْشَرِ وَالْمَنْشَرِ

“Wahai Rasūlullāh, terangkanlah kepada kami tentang Bayt al-Maqdis. Baginda menjawab: Ia merupakan tanah *al-Mahṣbar* dan *al-Mansbar*.”<sup>2</sup> (H.R. Ibn Mājah dan dinilai sahih oleh al-Albānī)

\*\*\*

---

2 Penjelasan: Apabila Kiamat berlaku, Allāh *ta‘ālā* berfirman mengenai tanah bumi bahawa ia akan digantikan dengan tanah yang lain, “(Ingatlah) masa hari bumi ini diganti dengan yang lain, demikian juga langit; dan manusia semuanya keluar berhimpun mengadap Allāh, Yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa.” (Ibrāhīm, 48) Di antara maksud penggantian di sini ialah penggantian kedudukannya dan tempat susunannya yang berbeza daripada kedudukannya di dunia sebelum Kiamat, misalnya tanah di perut bumi dinaikkan, tanah di permukaan bumi dikebumikan dan seterusnya. Tanah Masjid al-Aqṣā diistimewakan dengan dua ciri yang tersebut dalam hadis, bahawa ia termasuk daripada kawasan tanah bumi yang kita mampu pijaki sekarang ini yang dikehendaki Allāh berkhidmat pada Hari Kiamat sebagai *Mahṣbar* dan *Mansbar*.

Di antara *Faḍā'il*-nya juga: Ia merupakan *masrā* (tempat perjalanan *isrā'*) Rasūlullāh *ṣallAllāhu 'alayhi wa sallam*, dan daripada situlah baginda dimi'rajkan ke langit. Diriwayatkan daripada Anas bin Malik *raḍiyAllāhu 'anhu*, bahawa Rasūlullāh *ṣallAllāhu 'alayhi wa sallam* bersabda:

أَتَيْتُ بِالْبُرَاقِ وَهُوَ دَابَّةٌ أَبْيَضٌ طَوِيلٌ فَوْقَ الْحِمَارِ  
 وَدُونَ الْبَعْلِ يَضَعُ حَافِرَهُ عِنْدَ مُنْتَهَى طَرْفِهِ قَالَ  
 فَرَكِبْتُهُ حَتَّى أَتَيْتُ بَيْتَ الْمَقْدِسِ قَالَ فَرَبَطْتُهُ  
 بِالْحُلْقَةِ الَّتِي يَرْبُطُ بِهَا الْأَنْبِيَاءُ قَالَ ثُمَّ دَخَلْتُ  
 الْمَسْجِدَ فَصَلَّيْتُ فِيهِ رُكْعَتَيْنِ ثُمَّ خَرَجْتُ فَجَاءَنِي  
 جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ بِإِنَاءٍ مِنْ خَمْرٍ وَإِنَاءٍ مِنْ لَبَنٍ  
 فَاخْتَرْتُ اللَّبَنَ فَقَالَ جِبْرِيلُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
 اخْتَرْتَ الْفِطْرَةَ ثُمَّ عَرَجَ بِنَا إِلَى السَّمَاءِ

“Dibawakan kepadaku seekor Burāq. Ia merupakan seekor binatang berkaki empat, berwarna putih, bersaiz lebih besar daripada keldai dan lebih kecil berbanding baghal, yang (apabila bergerak) meletakkan hujung kakinya pada penghujung pandangannya (kerana langkahnya yang luas).” Baginda bersabda, “Daku menaikinya hinggalah daku sampai ke Bayt al-Maqdis.” Baginda bersabda, “Daku ikatkannya pada sebuah gelung (besi) yang digunakan oleh para nabi.” Baginda bersabda,

“Kemudian, daku masuk ke dalam masjid, dan mendirikan solat dua rakaat di dalamnya. Sesudah itu dakupun keluar, dan Jibrīl ‘*alayhissalām* datang kepadaku membawakan satu bekas minuman berisi arak dan satu bekas minuman berisi susu. Daku memilih susu. Jibrīl *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* berkata, ‘Dikau telah memilih fitrah.’ Selanjutnya, dia membawa kami mikraj ke langit.” (HR Muslim)

\*\*\*

Di antara *Faḍā’il*-nya juga ialah: (pahala) solat di dalamnya dilipatgandakan. Diriwayatkan daripada Abū Dhār *raḍiyAllāhu ‘anhū*, beliau berkata:

تَذَاكُرْنَا وَنَحْنُ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
 وَسَلَّمَ أَيُّهُمَا أَفْضَلُ: مَسْجِدُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ  
 عَلَيْهِ وَسَلَّمِ، أَوْ مَسْجِدُ بَيْتِ الْمَقْدِسِ؟ فَقَالَ رَسُولُ  
 اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمِ: صَلَاةٌ فِي مَسْجِدِي  
 هَذَا أَفْضَلُ مِنْ أَرْبَعِ صَلَوَاتٍ فِيهِ، وَلَنْعَمَ الْمُصَلِّي،  
 وَلْيُوشِكَنَّ أَنْ يَكُونَ لِلرَّجُلِ مِثْلُ شَطْنِ فَرَسِهِ مِنْ  
 الْأَرْضِ حَيْثُ يَرَى مِنْهُ بَيْتَ الْمَقْدِسِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ  
 الدُّنْيَا جَمِيعًا - أَوْ قَالَ: خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا فِيهَا -

“Kami saling bermuzakarah sesama kami ketika kami berada di sisi Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, berkenaan yang mana satukah lebih mulia: Masjid Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, atau Masjid Bayt al-Maqdis? Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda, “Solat di masjidku ini lebih *afdal* berbanding empat solat di situ (Masjid al-Aqṣā). Sesungguhnya ia tempat solat yang terbaik. Dan, hampir saja (waktunya) di mana seseorang itu memiliki tanah sebesar tali kudanya (di Bayt al-Maqdis) di mana daripadanya dia mampu melihat Bayt al-Maqdis, ia (tanah itu) lebih baik buatnya daripada seisi dunia – atau sabdanya – lebih baik daripada dunia ini dan seluruh isinya.” (H.R. al-Ḥākim dan dinilainya sebagai sahih, serta disepakati al-Dhahabī)

Ini merupakan salah satu daripada petanda kenabian baginda *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, di mana baginda menjelaskan akan kesudahan Masjid al-Aqṣā: hati mukminin berpaut padanya, dan rencana jahat para musuh kepada Masjid al-Aqṣā akan bertambah. Hinggakan seorang mukmin itu amat berharap sekiranya dia mempunyai satu tempat yang kecil di mana dia berdiri di atasnya untuk melihat Masjid al-Aqṣā, dan demikian itu lebih dicintainya berbanding dunia dan seluruh isinya.

\*\*\*

Di antara *Faḍā'il*-nya juga ialah: yang diriwayatkan daripada hadis 'Abdullāh bin 'Amrū bin al-Āṣ *raḍiyAllāhu 'anhu*, bahawa Nabi *ṣallAllāhu 'alayhi wa sallam* bersabda:

لَمَّا فَرَغَ سُلَيْمَانُ بْنُ دَاوُدَ مِنْ بِنَاءِ بَيْتِ الْمَقْدِسِ  
سَأَلَ اللَّهَ ثَلَاثًا: حُكْمًا يُصَادِفُ حُكْمَهُ، وَمُلْكًا لَا  
يَنْبَغِي لِأَحَدٍ مِنْ بَعْدِهِ، وَأَلَّا يَأْتِيَ هَذَا الْمَسْجِدَ أَحَدٌ  
لَا يُرِيدُ إِلَّا الصَّلَاةَ فِيهِ إِلَّا خَرَجَ مِنْ ذُنُوبِهِ كَيَوْمِ  
وَلَدَتْهُ أُمُّهُ. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَمَّا  
اِثْنَتَانِ فَقَدْ أُعْطِيَهُمَا، وَأَرْجُو أَنْ يَكُونَ قَدْ أُعْطِيَ  
الْغَالِيَةَ

“Apabila Sulaymān bin Dāwūd telah selesai membina Bayt al-Maqdis, baginda berdoa meminta kepada Allāh akan tiga perkara: hukum yang bertepatan dengan hukum-Nya; kerajaan yang tidak akan ada bagi sesiapaupun sesudahnya; dan agar tak ada seorangpun yang datang ke masjid ini (Masjid al-Aqṣā) di mana dia tidak mahu apapun melainkan solat di dalamnya, melainkan dia dikeluarkan (disucikan) daripada dosa-dosanya sepertimana hari dia dilahirkan oleh ibunya (suci daripada dosa).” Nabi *ṣallAllāhu 'alayhi wa sallam* bersabda, “Adapun dua perkara (yang terawal), telah dikurniakan kepada baginda. Daku

berharap agar permintaannya yang ketiga turut dimakbulkan.” (H.R. al-Nasā’ī dan Ibn Mājah, serta dinilai sahih oleh al-Albānī).

\*\*\*

Sesungguhnya, amat jelas bagi setiap muslim akan apa yang dialami oleh muslimin di Palestin, daripada kesusahan (hidup), pembunuhan, dan pengusiran dari kerana serangan bertalu-talu yang dikenakan kepada mereka daripada kelompok yahudi yang merampas (tanah muslimin). Begitu juga, tidak tersembunyi lagi akan keperluan muslimin di Palestin yang amat terdesak yang memerlukan kepada pakaian, makanan dan ubat-ubatan.

Oleh kerana itu, menjadi kewajiban kepada seluruh umat Islam untuk bersegera membantu mereka, dan bersolidariti bersama mereka di dalam menghadapi ujian yang mereka hadapi, agar mereka mampu untuk melawan musuh mereka yang memiliki segala kelengkapan bekalan dan kekuatan ketenteraan. Allāh *jalla wa ‘alā* akan mengurniakan ganjaran bagi setiap mukmin yang sanggup berkorban untuk saudara-saudaranya, dengan ganjaran yang segera (di dunia ini), dan pahala di Akhirat kelak. Dia akan mendapati ganjarannya itu di hari (Akhirat), di mana tiadalah sebarang harta mahupun anak-anak yang boleh memberikan manfaat buatnya, melainkan mereka yang datang kepada Allāh dengan hati yang sentosa.

Allāh *ta‘ālā* berfirman:

وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنْفُسِكُمْ مِّنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ هُوَ  
خَيْرًا وَأَعْظَمَ أَجْرًا

“Dan (ingatlah), apa jua kebaikan yang kamu kerjakan sebagai bekal untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya pada sisi Allāh, – sebagai balasan yang sebaik-baiknya dan yang amat besar pahalanya.” (Sūrah al-Muzzammil, ayat 20)

Dia *ta‘ālā* berfirman:

وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِّنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ ۖ وَهُوَ خَيْرُ  
الرَّازِقِينَ ﴿٣٩﴾

“Katakanlah (wahai Muḥammad): Sesungguhnya Tuhanku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya, dan Ia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allāh akan menggantikannya; dan Dia lah jua sebaik-baik Pemberi rezeki.” (Sūrah Sabā’, ayat 39)

Diriwayatkan daripada Abū Hurayrah *radīyAllāhu ‘anhu*, daripada Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam*, baginda bersabda:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ

“Sedekah tidak akan mengurangi harta.”  
(H.R. Muslim)

Diriwayatkan daripada Mu‘ādh bin Jabal *radīyAllāhu ‘anhū*, beliau berkata, Nabi *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda:

وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الخَطِيئَةَ كَمَا يُطْفِئُ المَاءُ النَّارَ

“Sedekah akan menghapuskan dosa, sepertimana air memadamkan api.” (H.R. al-Tirmidhī, dan dinilai sahih oleh al-Albānī)

Bersikap pemurahlah kepada mereka, wahai sekalian umat islam, dengan (rezeki) yang dikurniakan Allāh kepada kamu, dan berasa kasihanlah kepada mereka. Demikian, Dia akan memberkati harta kamu, menggantikannya dengan yang lebih baik buatmu, dan melipatgandakan pahalanya buat kamu.

Diriwayatkan daripada ‘Abdullāh bin ‘Umar *radīyAllāhu ‘anhumā*, bahawa Rasūlullāh *ṣallAllāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda:

وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللهُ فِي حَاجَتِهِ

“Sesiapa yang (membantu) menunaikan hajat keperluan saudaranya, maka Allāh akan (menunaikan) hajat keperluannya.” (H.R. al-Bukhārī dan Muslim)



Begitu juga, hendaklah kita banyak-banyakkan berdoa buat mereka; agar Dia menopang kelemahan mereka, memperkukuhkan kekuatan mereka, menepis segala onar musuh daripada mereka, dan agar Dia menghalang serangan kaum kafir – dan balasan Allāh lebih dahsyat – serta (berdoa) agar Dia mensucikan Masjid al-Aqṣā daripada tangan orang-orang zalim dan para pencerobohan perampas.

Sesungguhnya Dia itu Maha Mendengar, lagi Maha Mengabulkan permintaan.

\*\*\*

Alhamdulillah, segala puji bagi Allāh, dahulu, kini dan selamanya, atas penyempurnaan terjemahan bagi karangan Shaykh ‘Abd al-Razzāq al-Badr ini, yang berjudul sebagai *Faḍā’il Masjid al-Aqṣā*, pada isyak 3 Rejab 1443H, bersamaan Khamis 3.2.2022M, di Maktabah atTauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah, di tangan empunya segala dosa dan kesilapan Syafiq atTauhidi. Semoga Allāh yang baik menerimanya dan mengumumkan manfaatnya kepada seluruh umat.

